

27/06/2001

Antara idealisme dan kelemahan bahasa Inggeris

Mohd Yusof Sulaiman

ANGGAPAN bahawa individu yang menguasai bahasa Inggeris sebagai anti-Melayu atau tidak patriotik amatlah dikesali. Lebih malang, ada yang sanggup melabelkan mereka sebagai kafir atau sekular kerana kononnya mereka mendaulatkan bahasa kolonial.

Golongan yang beranggapan sedemikian bukan saja fanatik, bahkan tidak optimis untuk membangunkan dan memajukan bangsa, agama dan negara ini. Jika benar mereka menafikan sumbangan bahasa Inggeris, amat wajar mereka dikelaskan sebagai 'katak di bawah tempurung'.

Apakah mereka tidak sedar, ketika ini, bahasa Inggeris adalah bahasa global? Banyak maklumat terutama membabitkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) disampaikan dalam bahasa Inggeris. Justeru, ilmu berkenaan ICT tidak dapat dikuasai kecuali oleh mereka yang menguasai bahasa itu.

Era ICT kini memerlukan seseorang yang menguasai bahasa Inggeris bagi menguasai pelbagai ledakan maklumat. Tanpanya, seseorang akan jauh ketinggalan. Kemajuan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) akan melahirkan bangsa yang maju dan dihormati. Oleh itu, jika bangsa Melayu bergantung kepada penguasaan satu bahasa saja, bangsa Melayu akan ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Meskipun ada usaha menterjemah buku ilmiah berbahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, kemampuan itu terbatas disebabkan lambakan buku, jurnal dan maklumat dalam bahasa Inggeris.

Perkara ini telah berkali-kali ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ketika berucap di perhimpunan Agung Umno ke 55 baru-baru ini, beliau sekali lagi mengingatkan bangsa Melayu bahawa jika ingin melihat bangsanya terus maju, penguasaan ilmu perlu dipertingkatkan.

Menurut beliau, ketika ini ledakan ilmu tidak boleh dipelajari kecuali setelah menguasai bahasa Inggeris.

"Jika kita tidak hendak terlepas, tertinggal dan menjadi mangsa perkembangan teknologi maklumat, kita perlu secara serius dan bersungguh-sungguh mempelajari ilmu yang baru ini. Untuk menguasai ilmu ini, satu daripada syaratnya ialah penguasaan bahasa Inggeris," katanya.

Dr Mahathir menolak anggapan dan pandangan sesetengah rakyat yang berasaskan mempelajari bahasa Inggeris akan menghilangkan identiti kebangsaan serta kemelayuan seseorang.

"Penguasaan bahasa Inggeris tidak akan menjadikan kita kurang Melayu atau kurang Islam. Sebenarnya perkembangan bahasa Melayu bukan bergantung kepada penolakan bahasa lain, tetapi melalui penguasaan bahasa asing," katanya.

Melihat kepada asal-usul bahasa Melayu, banyak istilah yang ada dalam bahasa ini berasal daripada bahasa lain seperti bahasa Arab, Sanskrit, Parsi, Cina dan Inggeris.

Menurut Dr Mahathir, perkara ini berpunca daripada penguasaan bangsa itu terhadap bangsa Melayu suatu ketika dulu. Akibatnya, beberapa istilah bahasa bangsa itu dipertuturkan oleh bangsa Melayu hari ini.

Katanya, bangsa yang menjajah bangsa lain adalah bangsa yang maju dan menguasai pelbagai ilmu pengetahuan.

Oleh itu, katanya, jika bangsa Melayu ingin memartabatkan bahasa dan bangsanya, maka bangsa Melayu terlebih dulu perlu meningkatkan kedudukan bangsanya sebagai bangsa yang kuat, maju dan kaya.

"Untuk mengembangkan bahasa Melayu, orang Melayu sendiri mestilah

menjadi bangsa yang berjaya, berilmu dan pada zaman ini memiliki daya beli atau purchasing power yang tinggi (dengan perkataan harian Melayu mesti `kaya'). Tidak ada bahasa pertuturan bangsa yang mundur dan miskin dapat berkembang maju di dunia ini," katanya.

Justeru, katanya, sikap nasionalis bahasa yang terlalu sayangkan bahasa sehingga mengetepikan hakikat penguasaan ilmu membuktikan mereka berpandangan sempit.

Dr Mahathir berkata, sikap itu bukan saja akan merugikan bangsa Melayu malah akan menghilangkan bahasa Melayu.

"Janganlah kerana pandangan yang sempit terhadap bahasa Melayu, maka orang Melayu sekali lagi terlepas revolusi zaman maklumat, menjadi bangsa yang mundur, dihina dan diperbodoh oleh orang lain.

"Janganlah orang Melayu sekali lagi `beli di kedai Cina' kerana buta maklumat. Percayalah kita akan dijajah semula jika tidak menguasai bahasa ilmu ini," katanya.

Beliau berkata, sepatutnya golongan nasionalis ialah mereka yang mahu melihat bangsanya maju melalui penguasaan pelbagai cabang ilmu.

"Nasionalis yang sebenar ialah orang Melayu yang menjayakan bangsanya dengan menguasai ilmu dan memperoleh kejayaan sehingga ramai ingin belajar bahasa bangsa yang berjaya ini," katanya.

Sehubungan itu, Pergerakan Pemuda Umno berpendapat, kelemahan pelajar Melayu menguasai bahasa ilmu harus dipandang serius. Semua pihak termasuk cendekiawan Melayu dan nasionalis perlu mengakui masalah ini dan tidak harus berpegang pada idealisme sendiri sehingga mengabaikan masalah yang dihadapi.

Timbalan Pengerusi Pendidikan Pergerakan itu, Muhamad Norza Zakaria, berkata sekarang bukan masanya untuk mendengar hujah masing-masing, tetapi saat untuk mengenal pasti apakah langkah untuk menyelesaikan masalah itu.

Katanya, pertembungan idea bukan saja akan melengah-lengahkan langkah memperbaiki mutu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu, sebaliknya merugikan bangsa Melayu.

"Apa yang mustahak sekarang ialah apakah kegiatan dan tindakan yang boleh meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Bukannya, anggapan hilangnya identiti Melayu jika belajar atau bercakap bahasa Inggeris.

"Identiti Melayu akan hilang jika bangsa Melayu terpinggir daripada bangsa lain," katanya.

Beliau berkata, langkah proaktif membabitkan pemulihan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu harus dilaksanakan.

Katanya, kesedaran bangsa Melayu mengenai bahasa Inggeris hendaklah dipertingkatkan bukan saja di sekolah, malah di rumah.

"Ibu bapa perlu menggalakkan anak membaca buku, majalah dan bertutur menggunakan bahasa Inggeris. Mereka tidak perlu khuatir dan takut jika tindakan itu akan menyebabkan kedudukan bahasa Melayu lemah.

"Sebaliknya, mereka hendaklah mengakui bahawa itu adalah langkah terbaik bagi memperbaiki kelemahan yang dihadapi pelajar," katanya.

(END)